

1. LATARBELAKANG MASALAH KAJIAN

Pengajian tafsir al-Qur'ān di Nusantara bermula sejak abad ke 16, hal ini merujuk kepada naskhah-naskhah yang ditulis oleh ulama Aceh, seperti mana penemuan satu naskhah tafsir surah al-Kahfi yang belum dikenal pasti penulisnya. Ia ditulis pada masa awal pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636) dan Shams al-Dīn al-Sumatrānī menjadi mufti ketika itu. Bahkan ada yang mengatakan ia ditulis sebelum itu iaitu pada masa pemerintahan Sultan 'Alā al-Dīn Ri'āyat Shah Sayyid al-Mukammil (1537-1604) dan jawatan mufti kerajaan pada masa itu dipegang oleh Hamzah al-Fansūrī.¹ Manuskrip tersebut dibawa dari Aceh ke Belanda oleh seorang ahli bahasa Arab yang berasal dari Belanda bernama Erpinus. Saat ini manuskrip tersebut berada di Cambridge Universiti Australia. Satu abad kemudian muncul tafsir *Tarjumān al-Mustafīd* lengkap 30 juzuk karya 'Abd. al-Raūf al-Sinkilī (1615-1693 M.).² Pengajian tafsir di daerah Sumatra pada peringkat awal diajarkan di beberapa surau dan masjid, kemudiannya tertubuhlah pusat pengajian tafsir secara sistematik dengan munculnya madrasah Sumatera Thawalib.³ Madrasah ini bergiat aktif dalam memperkenalkan pemikiran pembaharuan Islam dari Mesir yang dikembangkan oleh Muḥammad 'Abduh dan Rashīd Riḍā.⁴

¹ Islah Gusmian (2003), *Khazanah Tafsir Indonesia: Dari Hermeneutika Hingga Ideologi*. Jakarta: Teraju, h. 54

² Kitab *Tarjumān al-Mustafīd*, karya Abd al-Raūf Sinkel (1024-1105 H./1615-1693) ialah merupakan tafsir pertama Nusantara lengkap 30 juzuk. Lihat Azyumardi Azra (2004), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara abad XVII & XVIII : Akar Pembaharuan Islam di Indonesia* (Edisi Revisi), Jakarta: Prenada Media, h.247

³ Di Madrasah Sumatera Thawalib bahan pengajian tafsir diajarkan mengikut kategori darjah, bagi darjah III iaitu *Tafsīr al-Jalālayn*, darjah IV dan V menggunakan *Tafsīr al-Baiḍāwī*, darjah VI dan VII menggunakan *Tafsīr al-Manār* karya Muḥammad Rashīd Riḍā. Lihat Islah Gusmian (2003), *op.cit.*, h. 43

⁴ Dua tokoh ini ialah merupakan ikon pembaharuan Islam, karya tafsirnya iaitu "*tafsīr al-Manār*" merupakan salah satu rujukan utama kerana sumber metodologi, dan tafsirnya yang mantap. Sejarah penulisannya yang mencabar menjadi bukti semangat penulisnya. Muḥammad 'Abduh menghabiskan sebahagian usianya dalam penulisan karya ini, manakala Rashīd Riḍā menghambakan dirinya selama lebih tiga puluh tahun meneruskan perjuangan gurunya dalam kerja-kerja pentafsiran dan beliau berjaya mentafsir sehingga ayat 52 surah Yusuf. Lihat Dr. Mustaffa Abdullah (2005), *Sejarah Penulisan Tafsīr al-Manār karya Sayyid Muhammad Rashīd Riḍā*, Jurnal al-Bayān, bil. 3 Mei 2005/Rabi'ul Awal 1426, h. 55

Pengajian tafsir al-Qur'ān di Jawa diajar oleh para wali songo,⁵ walaupun tiada karya ditemukan pada peringkat awal akan tetapi kegiatan pengajian tafsir disampaikan secara langsung sama ada di rumah atau di surau, bahkan pada tahun 1874 muncul pusat pengajian tafsir yang dikenal dengan nama “*nggon ngaji*” (rumah mengaji) yang menerima pelajar daripada usia 5 tahun hingga usia 8 tahun, fokus utama bagi pelajar berusia 5 tahun adalah menghafaz surah-surah lazim, manakala bagi usia 8 tahun mereka sudah diperkenalkan dengan pemahaman kandungan al-Qur'ān. Pada abad-abad berikutnya muncul pusat-pusat pengajian tafsir di beberapa lembaga pendidikan Islam seperti di Jawa Timur tertubuhnya pondok Tebuireng, pondok Rejoso Jombang, pondok moden Gontor, pondok Persis Bangil dan lain sebagainya. Di Jawa Tengah pula muncul beberapa Madrasah seperti Madrasah Qudsiyah, Madrasah Ma'ahid al-Diniyyah al-Islamiyyah, Madrasah Mu'allilimin, pondok Krapyak dan lain sebagainya. Di Sulawesi terdirinya Madrasah Amiriah Bone, di Nusa Tenggara pula Madrasah Nahdlatul Watan, manakala di Kalimantan Madrasan an-Najah wal Falah.⁶

Secara amnya, lembaga-lembaga pendidikan Islam di Indonesia pada peringkat awal menjadikan *tafsīr al-Jalālayn* karya al-Suyūfī dan al-Maḥallī sebagai bahan utama pengajian. Penggunaan tafsir ini amat popular kerana menggunakan bahasa yang sederhana

⁵ Istilah “wali songo” berasal dari dua perkataan, iaitu: “wali” yang bererti penolong dalam bahasa Arab, manakala “songo” bermaksud sembilan dalam bahasa Jawa. Jadi “wali songo” adalah sembilan orang yang menolong menyebarkan Islam di Nusantara, khususnya di daerah Jawa.

Adapun kesembilan wali tersebut adalah: Sunan Gresik, Sunan Ampel, Sunan Bonang, Sunan Drajat, Sunan Kudus, Sunan Giri, Sunan Kalijaga, Sunan Muria, dan Sunan Gunung Jati. Mereka semua memiliki keterkaitan, sama ada hubungan kekeluargaan, persahabatan, atau hubungan guru-murid.

Mereka tinggal di pantai utara Jawa dari pertengahan abad ke-13 hingga pertengahan abad 16 di tiga wilayah Pulau Jawa: Surabaya-Gresik-Lamongan (Jawa Timur), Demak-Kudus-Muria (Jawa Tengah), serta Cirebon (Jawa Barat). Meskipun kesembilan wali ini memusatkan pesantren dan dakwahnya di pesisiran utara Pulau Jawa, tapi murid dan penerus generasinya telah membawa Islam ke seluruh penjuru Nusantara. M. Faizi (2008), *Wali Songo Sembilan Wali Penyebar Islam Di Jawa*, Yogyakarta: Indonesia Tera, h. 5-6

⁶ Islah Gusmian (2003), *op.cit.*, h. 47

dan mudah difahami sesuai dengan keadaan masyarakat Islam pada waktu itu yang masih berada pada tahap pengenalan ilmu tafsir.

Mengikuti kenyataan sejarah, beberapa tokoh ahli tafsir Indonesia telah banyak memberikan sumbangan kepada perkembangan tafsir Nusantara. Mereka bergiat aktif dalam penulisan karya di bidang tafsir al-Qur'ān sebagai usaha memberikan kemudahan kepada umat Islam bagi memahami kandungan al-Qur'ān, sehingga tidak ada alasan lagi bagi umat Islam Indonesia sama ada puak, bangsa, dan keturunannya untuk tidak memahami kandungan al-Qur'ān, kerana tafsir al-Qur'ān bukan sahaja ditulis dalam bahasa Arab, bahkan ia ditulis dalam pelbagai bahasa daerah seperti; Sunda, Jawa, Melayu mengikut daerah mana pentafsir itu dilahirkan dan menyebarkan ilmunya.

A. Hassan dan KH. Bisri Mustofa adalah dua tokoh ulama Nusantara yang telah banyak memberikan sumbangan intelektual dalam dunia keilmuan, *al-Furqān* oleh A. Hassan dan *al-Ibrīz* oleh KH. Bisri Mustofa merupakan dua karya besar yang telah mencatatkan sejarah baru dalam bidang tafsir. Dari beberapa karya yang telah dihasilkan, kedua-dua tokoh ini telah banyak melahirkan pemikiran-pemikiran khas sesuai dengan latar belakang masing-masing sehingga terdapat kenyataan bahawa A. Hassan dikenali sebagai tokoh islah sedangkan KH. Bisri Mustofa dikenali sebagai tokoh tradisional.

Oleh yang demikian, penulis berminat untuk membuat suatu kajian perbandingan antara tafsir kedua-dua tokoh tersebut untuk mengetahui lebih mendalam perbezaan dan persamaan serta pemikiran kedua tokoh tersebut yang mana mempengaruhi tafsiran mereka. Melalui pengkajian menyelidik, A. Hassan membawa misi *tajdīd* yang diterajui oleh Persis sedangkan KH. Bisri Mustofa membawa misi NU yang berasaskan Islam

warisan tradisional. Di samping itu, kedua tafsir ini amat terkenal di kalangan masyarakat berikutan ketokohan penulisnya. Tafsir *al-Furqān* adalah merupakan salah satu tafsir generasi pertama yang ditulis dalam bahasa Melayu secara sistematik dan sempurna sehingga ianya digunakan sebagai bahan rujukan ilmiah, sedangkan tafsir *al-Ibrīz* mempunyai kelebihan tersendiri yang mana selain digunakan sebagai rujukan ia juga digunakan untuk pengajian yang mudah difahami oleh masyarakat awam tempatan kerana tafsir ini menggunakan bahasa Jawa dengan tulisan Jawi. Ia juga sudah menjadi subjek tradisi pengajian di pondok-pondok klasik di Indonesia. Tafsir ini juga memberikan keberkesanan terhadap perkembangan tafsir di Jawa Tengah sehingga tidak menjadi sesuatu yang luar biasa jika di setiap rumah masyarakat Jawa Tengah terdapat tafsir *al-Ibrīz*. Penulis berharap semoga kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap khazanah ilmiah di bidang tafsir dan boleh dijadikan bahan rujukan akademik yang bernilai dan bermanfaat.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Penyelidikan ini akan menfokuskan kepada permasalahan-permasalahan berikut :

1. Mengkaji dengan lebih mendalam siapakah A. Hassan dan KH. Bisri Mustofa?
2. A. Hassan dan KH. Bisri Mustofa adalah dua tokoh yang mempunyai nama besar pada masanya, pembabitan keduanya dalam bidang karya tulis patut dihargai, justeru penulis rasa sangat perlu mengkaji hasil karya tafsir kedua-dua tokoh tersebut bagi mengenalpasti apakah metodologi yang digupakai dalam mentafsir al-Qur'an?

3. Dua tafsir yang akan dikaji adalah merupakan hasil karya daripada dua tokoh yang berbeza latarbelakang pemikirannya. Oleh itu, penulis perlu mengetahui sejauh manakah perbezaan dan persamaan pemikiran yang ada dalam tafsirnya?

3. OBJEKTIF KAJIAN

Setelah mengetahui rumusan masalah di atas, maka dapat diketahui bahawa objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengenal secara mendalam mengenai kedua-dua orang pengarang dan sumbangannya kepada tafsir Nusantara.
2. Mengkaji, menganalisis dan mendedahkan metodologi kedua-dua tokoh pengarang di dalam mentafsirkan al-Qur'ān.
3. Mengetahui pemikiran A. Hassan dan KH. Bisri Mustofa dari sudut perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam tafsir mereka.

4. SKOP KAJIAN

Pembahasan tafsir bagaikan samudera nan sangat luas dan dalam, semakin dalam dikaji semakin banyak mutiara yang akan didapati. Dalam kajian ini penulis akan memberikan tumpuan dengan melakukan suatu kajian perbandingan kepada dua karya ulama Nusantara iaitu tafsir *al-Furqān Fī Tafsīr al-Qur'ān* karya A. Hassan dan tafsir *al-Ibrīz Lima'rifat Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz* karya KH. Bisri Mustofa. Penulis akan menonjolkan aspek metodologi dan pemikiran yang ada dalam tafsir tersebut. Pemikiran-pemikiran yang akan dibahaskan adalah berkenaan dengan teologi, tasawuf serta kajian fiqah dalam bentuk kajian perbandingan, kerana isu-isu tersebut merupakan salah satu kajian terpenting dalam tafsir dan ianya juga menjadi bahan perdebatan di antara

sebahagian *mufasssirīn*. Oleh sebab itu, penulis akan mengkaji sejauh mana persamaan dan perbezaan dua tafsir tersebut terhadap isu-isu di atas.

5. KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam rangka menonjolkan ulama-ulama Nusantara yang telah banyak memberikan sumbangan melalui karya-karya mereka terutama di bidang tafsir, penulis terdorong untuk mengkaji salah satu karya tersebut. Hal ini sangat penting kerana usaha yang telah mereka lakukan banyak memberikan impak terhadap kebangkitan tafsir Nusantara, selanjutnya dimanfaatkan oleh orang ramai yang mempunyai latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza dalam memahami kandungan al-Qur’ān, sehingga ajaran Islam boleh diterima dengan mantap di mana-mana tempat dan bila-bila masa sesuai dengan konsep bahawa al-Qur’ān “*Sāliḥun Likulli Zamān Wa Makān*” yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sebagai *rahmatan lil ‘ālamīn*.

6. KAJIAN LEPAS (*LITERATURE REVIEW*)

Setakat ini, kajian perbandingan secara khas antara tafsir *al-Furqān* dan *al-Ibrīz* belum pernah dikaji di mana-mana lembaga akademik. Dan untuk pengetahuan pembaca bahawa A. Hassan dan KH. Mustofa adalah dua tokoh besar Nusantara yang berpengaruh dan produktif menulis. Keadaan yang demikian, sudah tentu banyak pelbagai kajian telah ditulis tentang mereka sama ada yang berhubungkait dengan ketokohnya atau karya-karya yang telah dihasilkan. Dalam pada itu, pengkaji telah melakukan kajian terdahulu terhadap buku-buku berkenaan. “*HASSAN BANDUNG PEMIKIR ISLAM RADIKAL*” karya Syafiq A. Mughni Buku ini sangat menjadi tumpuan dan mengundang banyak perhatian orang ramai kerana tajuknya yang kontroversi ini mengulas tentang pemikiran A. Hassan

dan tanggapan terhadap pemikiran-pemikirannya, sumbangan serta peranannya dalam dakwah, dan buku ini sedikit sebanyak memberikan gambaran tentang pergolakan pemikiran Islam di Indonesia pada awal abad ke 20 yang dipercayai lahirnya fahaman baru yang mendapatkan inspirasi reformisme (*tajdīd*) timur tengah yang kemudian menjelma dalam bentuk gerakan sosial keagamaan seperti Muhammadiyah, al-Irsyad, dan PERSIS.⁷ A. Hassan juga sangat cenderung kepada PERSIS, kerana peranannya yang cukup besar dan keterlibatannya dalam mendukung organisasi tersebut maka buku “*YANG DA’I YANG POLITIKUS, HAYAT DAN PERJUANGAN LIMA TOKOH PERSIS*” yang ditulis oleh Dadan Wildan cukup memberikan kesan terhadap ketokohan A. Hassan dan sumbangan intelektualnya, lebih jauh lagi ia mengemukakan tentang peranan A. Hassan dalam dunia politik dan keakrabannya dengan kerajaan.⁸ “*KARISMA ULAMA: KEHIDUPAN RINGKAS 26 TOKOH NU*” Karya Saifulloh Ma’sum, buku yang memasukkan nama KH. Bisri Mustofa dalam senarai tokoh-tokoh NU ini hanya menulis aspek ketokohan dan perjalanan hidup KH. Bisri Mustofa secara ringkas.⁹ Nashruddin Baidan dalam “*PERKEMBANGAN TAFSIR DI INDONESIA*” menyenaraikan A. Hassan dan KH. Bisri Mustofa sebagai salah satu ahli tafsir Nusantara sesuai dengan masa dan waktu perkembangan tafsir masing-masing serta menjelaskan kedudukan tafsirnya di antara tafsir-tafsir Nusantara yang lain.¹⁰

Pada tahun 1994 telah ditulis disertasi tentang corak pemikiran Kalam KH. Bisri Mustofa kajian perbandingan dengan teologi al-‘Ash’ariyyah. Tesis ini hanya mengambil beberapa contoh dari tafsir *al-Ibrīz* yang kemudian dikonsepsikan oleh penulisnya menjadi

⁷ Syafiq A. Mughni (1994), *Hassan Bandung Pemikir Islam Radikal*, Surabaya: PT. Bina Ilmu.

⁸ Dadan Wildan (1997), *Yang Da’i Yang Politikus, Hayat dan Perjuangan Lima Tokoh Persis*, Bandung: PT. Remaja Rosdakarya

⁹ Lihat; Saifulloh Ma’sum (1998), *Karisma Ulama: Kehidupan Ringkas 26 Tokoh NU*, Bandung: Mizan, h. 319

¹⁰ Lihat; Nashruddin Baidan (2003), *Perkembangan Tafsir di Indonesia*, Solo: PT Tiga Serangkai Pustaka Mandiri, h. 102

suatu kajian tentang pemikiran teologi KH. Bisri Mustofa,¹¹ Jika dilihat kajian ini kurang berkesan kerana hanya menyentuh sudut teologi sahaja, dan pemikiran yang dikembangkan hanya berupa perbandingan di antara dua aliran sedangkan aliran teologi bukan setakat dua aliran itu sahaja dan tambahan lagi dengan kurangnya kekuatan *argument (hujjah)* dengan dalil sama ada *'aqlī* atau *naqlī*. Selain itu, pemikiran fiqah perlu untuk dikaji oleh kerana *al-Ibrīz* lahir di tengah masyarakat yang bersandarkan mazhab shāfi'ī. Dengan itu perlunya kita mengetahui sejauh mana KH. Bisri Mustofa mentafsirkan ayat-ayat hukum tersebut. Manakala A. Hassan sendiri juga tidak boleh dilupakan begitu sahaja aspek kepakarannya dalam bidang fiqah. Telah banyak karya yang dihasilkan berkenaan dengan fiqah, dan penulis akan menyenaraikan karya-karya tersebut dalam bab I pada pembahasan biografi A. Hassan.

7. METODOLOGI KAJIAN

Bagi mendapatkan data dan fakta yang autentik, penulis akan menggunakan beberapa metode dalam penyelidikan ini sepertimana berikut:

7.1 Metode Penentuan Subjek

Di dalam kajian ini, tafsir *al-Furqān* dan *al-Ibrīz* akan dijadikan sebagai subjek kajian. Penyelidik akan mengkaji metodologi yang akan digunakan oleh A. Hassan dan KH. Bisri Mustofa, biodata serta pemikiran-pemikirannya.

¹¹ Disertasi ini ditulis oleh M. Ramli HS. dengan tajuk “*Corak Pemikiran Kalam KH. Bisri Mustofa: Studi Komparatif dengan Teologi Tradisional Asy'āriyyah*” bagi mendapatkan Ijazah Sarjana dari IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta pada tahun 1994.

7.2 Metode Pengumpulan Data

Penyelidik akan menggunakan beberapa metode berikut di dalam proses mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan subjek kajian iaitu:

7.2.1 Metode Dokumentasi

Oleh kerana kajian ini berbentuk *library research*, maka dalam mengumpulkan dan mencari data, pengkaji akan memberikan tumpuan sumber perpustakaan. Melalui perpustakaan akan didapati buku-buku, majalah, dokumentari dan seumpamanya. Kepentingan metode ini untuk memberikan kemudahan dalam mencari definisi dan data-data ilmiah yang digunapakai dalam kajian ini. Data dan dokumen yang menjadi rujukan penulis adalah; kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadith, kitab-kitab sejarah klasik dan kontemporari, buku-buku ilmiah, majalah, jurnal, akhbar dan internet.

7.2.2 Metode Historis

Metode ini digunapakai bagi mengetahui dan menganalisa rakaman dan peninggalan yang mempunyai nilai sejarah.¹² Metode ini digunapakai dalam membantu mendapatkan data-data tentang biodata pengarang kitab *al-Furqān* dan *al-Ibrīz*. Metode ini akan dibahaskan dalam bab I dan bab II

7.2.3 Metode Temubual

Temubual merupakan salah satu kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam tinjauan kajian, ia dilakukan secara lisan dan jawapan direkod oleh pengkaji secara bertulis melalui rakaman kaset, video, dan media elektronik yang lain. Penulis menggunakan

¹² Lihat Louis Gottschalk (1975), *Mengerti Sejarah*, (terj.), Nograho Notosusanto, Jakarta: Yayasan Penerbit Universitas Indonesia, h.32

kaedah ini bagi mendapatkan maklumat tentang biodata dua pengarang tafsir yang merupakan bahan kajian penulis.

7.3 Metode analisis Data

Semua data-data yang terkumpul melalui metode-metode yang telah dilakukan oleh penulis akan dikaji dan dianalisa dengan teliti. Metode analisis data yang digunakan adalah:

7.3.1 Metode Induktif

Metode induktif bermaksud menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang bersifat umum. Metode ini penulis gunakan bagi melakukan analisis terhadap data yang telah diperolehi berkaitan pemikiran mufassir seterusnya membuat kesimpulan. Maklumat tersebut dikumpulkan secara berterusan bagi mencari penyelesaian terhadap fenomena yang dikaji. Metode ini akan ditemui dalam bab III dan IV

7.3.2 Metode Deduktif

Metode ini digunakan dalam menganalisis data dan membuat kesimpulan berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil-dalil yang bersifat umum kepada hal-hal yang khusus. Metode ini penulis gunakan bagi mengaplikasikan teori yang sedia ada ketika menghasilkan kajian, termasuk dalam teori ini ialah ketika membuat perbandingan, menilai dan membuat rumusan penemuan penulis. Ia akan ditemui dalam bab III dan IV.

7.3.3 Metode Deskriptif

Penulis menggunakan metode ini, bagi memastikan *validity* data-data yang telah diperolehi. Melalui hasil pengumpulan data dan maklumat yang telah diperolehi akan dihuraikan secara deskriptif. Hal ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam permasalahan kajian. Metode ini akan ditemui dalam semua bab.

7.3.4 Metode Perbandingan (*Comparative*)

Sebagai kajian perbandingan, sememangnya pengkaji akan menggunakan metode ini dengan cara melakukan studi banding antara dua tafsir, hal ini dimaksudkan bagi menilai kedudukan tafsir *al-Furqān* dan *al-Ibrīz* dan bagi mengetahui perbezaan dan kesamaan corak tafsir dan pemikiran pengarangnya. Metode ini secara khas akan ditemui di bab III dan bab IV

8. SISTEMATIKA PENULISAN

Penulisan disertasi ini terdiri daripada pendahuluan yang berisi Latarbelakang Masalah Kajian, Permasalahan Kajian, Objektif Kajian, Skop Kajian, Kepentingan Kajian, Ulasan Penulisan, Metodologi Kajian, dan Sistematika Penulisan.

Pada bab pertama penulis akan mengenengahkan sejarah penulisan tafsir dan perkembangannya secara umum di Indonesia bermula daripada abad ke 8 sehingga abad moden. Kemudian penulis menyentuh aliran tafsir di Indonesia seperti tafsir kebatinan, tafsir kaum sufi, tafsir sastera, dan beberapa pemikiran kaum liberal dalam mentafsirkan al-Qur'ān, kemudian disambung dengan kajian tentang pengenalan aliran wahabi dan al-Ash'arī di Indonesia. Bab ini tidak terlalu diperincikan kerana yang menjadi inti kajian disertasi ini adalah perbandingan di antara tafsir *al-Furqān* dan *al-Ibrīz*.

Bab kedua memperkenalkan biografi A. Hassan dan Bisri Mustafa. Nama dan asal usul, pendidikan, aktiviti dakwah, keperibadian, hasil karya, dan lain-lain.

Bab ketiga pengenalan terhadap tafsir *al-Furqān* dan *al-Ibrīz*, serta perbandingan metodologi di antara keduanya. Bahagian pertama dalam bab ini, penulis akan menjelaskan sejarah penulisan, kedudukan dan pengaruh kedua-dua tafsir, kemudian membandingkan metodologi penulisan, penyusunan dan metode pentafsiran dalam kedua-dua karya tafsir tersebut.

Bab keempat pula penulis akan membahas perbandingan tentang pemikiran kedua-dua *mufasssir* yang terdapat dalam tafsirnya. Beberapa isu pemikiran yang akan dibahas dan dibandingkan adalah; isu *Hurūf al-Muqaṭṭa'ah*, pemikiran teologi yang meliputi; *qaḍā'* dan *qadar*, melihat Allah di dalam syurga, asma dan sifat, kajian fiqah yang meliputi; hukum menyentuh al-Qur'ān bagi orang yang berhadad, terbatalnya wuduk bagi orang yang menyentuh perempuan bukan mahram, isu kehalalan dan keharaman makan katak. Kesimpulan, Cadangan, dan Bibliografi akan menjadi penutup disertasi ini.